

PENYELIDIK MUDA UniMAP

CATAT KEJAYAAN MEMBANGGAKAN DI EKSPLO INOVASI ISLAM (i-INOVA 2010)

Setelah meraih kejayaan cemerlang di Invention, Innovation & Design (IDD Kedah 2010) baru-baru ini, para penyelidik muda yang terdiri daripada mahasiswa Ijazah Sarjana Muda UniMAP melalui ENVEX Young Researcher Club (EYReC) telah menyertai satu lagi pertandingan rekapipta & inovasi yang dianjurkan oleh Universiti Sains Islam Malaysia (USIM).

Ekspo Inovasi Islam 2010 (i - INOVA'10) anjuran USIM telah diadakan pada 26-28 September 2010 di Stadium Tertutup Nilai, Negeri Sembilan. Ekspo yang berkonsepkan pameran dan pertandingan bagi mengenengahkan produk Islam yang inovatif dari Institusi Pengajian Tinggi Malaysia (IPT), mempertandingkan lima kategori utama iaitu Teknologi Maklumat & Komunikasi, Kejuruteraan & Alam Bina, Bioteknologi, Sains Sosial dan Teknologi Hijau & Kelestarian.



Pertandingan ini telah menyaksikan UniMAP berjaya memonopoli jumlah pungenan pingat dengan memperolehi 4 emas, 5 perak dan 3 gangsa. Ini membuktikan produk penyelidikan mahasiswa UniMAP mempunyai kualiti yang tinggi dan mampu dipasarkan di pasaran tempatan mahupun antarabangsa serta membawa kepada pembangunan ummah. Majlis penyampaian hadiah telah disempurnakan oleh YB Dato' Seri Mohamed Khaled Nordin, Menteri Pengajian Tinggi. Selepas ini penyelidik muda UniMAP akan bertanding dalam Ekspo Penyelidikan & Inovasi Universiti Malaysia Pahang (UMP) dan akan menyertai kumpulan The Malaysian Invention & Design Society (MINDS) ke pertandingan The 7th International Exhibition for Young Inventors 2010 (IEYI -2010) yang akan berlangsung di Hanoi, Vietnam.

Berikut adalah senarai penuh keputusan produk penyelidikan mahasiswa UniMAP serta kedudukan penyidik UniMAP dengan IPT-IPT lain:

Bil	Penyelidik	Pusat Pengajian	Penyelidikan	Medal
1.	Nurul Farhana Abdul Hamid Norsyahidah Abdul Sari Chua Kean Yin	Sistem Elektrik	DC-DC Converter For Fuel Cell Application	EMAS
2.	Mohd Zul Fadhli Zaidi Nur Farhana Azira Ahmad Iqbal Loo Teng Teng	Mikroelektronik	Texturisation Of Single Crystalline Silicon Solar Cell	EMAS
3.	Norainah Mohd Yusuf Marlina Idris Khan Mohd Firdaus Hamzah	Pembuatan	Halal Logo Verification-Kiosk	EMAS
4.	Najib Saedi Ibrahim Mohamad Ashraf Abu Seman Mohd Hashahrin Firdaus Azri	Bahan	BioHIMAG : Biofriendly & High Potential Magnesium Sacrificial Anode	EMAS
5.	Syahida Fathan Azha Kua Lay Chim Siti Hawa Abu Bakar	Bioproses	Biodegradable Film From Paddy Straw	PERAK
6.	Mohd Naim Haron Mustaqim Rahimi Mokhtar	Mikroelektronik	ISFET For PH Sensor	PERAK
7.	Anis Nadhirah Ismail Hanis Azimah Mohd Bokeri Alida Abdullah	Bahan	Plastic Impregnated Lignocellulosic Composite	PERAK
8.	Khairul Amali Hamzah Ahmad Aizuddin Abd Aziz Khalid Azadi Mat Akhir	Pembuatan	Portable Paddy Dehusking Machine	PERAK
9.	Ahmadea Ahmad Mohd Syaibatul Hamdi Hashim Normah Kassim	Pembuatan	Portable Paddy Cleaning Machine	PERAK
10.	Habibi Husain Anfin Safarin Samsudin	Komputer & Perhubungan	Embedded System Of DNA Exon Predictor Using Hidden Markov Model	GANGSA
11.	Suzaini Sidik Norsima Nazirah Sidek	Pembuatan	Characterization Of Bioceramics From Anadara Granosa For Biocer Substitute Material	GANGSA
12.	Abdul Malek Abdullah Erni Faridah Mat Nordin Hamillah Mohd Ab Ghani	Bioproses	Vanillin : Bio-Synthetic Flavour Production From Paddy Straw	GANGSA

Universiti	Pingat		
	EMAS	PERAK	GANGSA
Universiti Malaysia Perlis (UniMAP)	4	5	3
Universiti Sains Islam Malaysia (USIM)	1	-	8
Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA)	1	-	1
Kolej Universiti Islam Selangor (KUIS)	1	-	1
Institut Perguruan Perlis (IPP)	1	-	-
Universiti Sains Malaysia (USM)	-	-	3
Politeknik Seberang Perai	-	-	1